

IBADAH HAJI: MANFAATNYA DAN HAJI MABRUR

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ وَلَيْسَ الْبِرُّ بِأَنْ تَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ ظُهُورِهَا وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ اتَّقَىٰ وَأَتُوا الْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَابِهَا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

(Surah Al-Baqarah, ayat: 189)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَىٰ بِهِدَاهِمُ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Bertaqwalah kepada Allah Ta'ala dengan taqwa yang sebenar-benar, kerana perintah-Nya, sebagaimana firman-Nya di dalam Al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam". (Surah Ali 'Imraan, ayat 102)

Bertaqwa dalam erti dan makna melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala yang dilarang-Nya. Kerana sesungguhnya orang yang bertaqwa itu di sisi Allah SWT merupakan hamba yang mulia dan memperolehi kemuliaan dan keberkatan hidup selama-lamanya di dunia dan akhirat.

JEMAAH JUMAAT YANG BERIMAN,

Bertuah dan beruntunglah umat Islam yang terpilih mengerjakan ibadah Haji kerana menjadi tetamu Allah SWT untuk menyempurnakan ibadah Haji yang diwajibkan ke atas umat Islam yang cukup syarat wajib Haji. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَأُدِّنُ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾

Maksudnya: “Dan diserukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus, yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh.” (Surah Al-Hajj, ayat 27)

Tentang ada Jemaah Haji yang sanggup berjalan kaki dan menunggang unta kurus, Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, menjelaskan: “Pada masa yang lampau, unta menjadi kenderaan yang utama bagi orang yang pergi mengerjakan Haji. Kurusnya unta-unta itu pula ialah disebabkan perjalanan yang jauh yang telah ditempuh”.

Kelebihan dan manfaat dari perintah ibadat Haji kepada Jemaah haji, firman Allah SWT lagi:

لِيَشْهَدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ ۗ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: “Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengumiaan-Nya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban), dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin.” (Surah Al-Hajj, ayat 28)

Ayat ini menjelaskan bahawa orang yang mengerjakan ibadat Haji akan mendapat banyak faedah, sebagaimana Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menyebutkan: “Orang yang mengerjakan ibadat Haji bukan sahaja dapat menyempurnakan rukun Islamnya yang kelima tetapi juga banyak faedah yang akan didapatinya.

Selain daripada dapat menyaksikan Baitullah dan Maqam Rasulullah serta tempat-tempat yang bersejarah di Makkah Al-Mukarramah dan di Madinah Al-Munawwarah, mereka akan beroleh banyak pengalaman dan bertambah sahabat kenalan dari saudaranya umat Islam yang datang berhimpun di Tanah Suci pada tiap-tiap tahun dari merata-rata dunia.

Sebenarnya ibadat Haji itu antara lain, merupakan ‘Muktamar Islam’ atau ‘Kongres Islam’ tahunan yang bertujuan menyatupadukan umat Islam sedunia supaya bekerjasama dalam bidang mengembangkan Islam, ekonomi, pelajaran, kebudayaan dan segala soal-soal hidup”.

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Masa untuk mengerjakan ibadat Haji itu telah ditentukan di sisi Allah Ta’ala, firman-Nya:

الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَاتٌ ۗ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَا رَفَثَ وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجِّ ۗ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ خَيْرٍ يَعْلَمُهُ اللَّهُ ۗ وَتَزُودُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ ۗ وَاتَّقُوا يَتَأُولَىٰ الْأَلْبَابِ ﴿٢٩﴾

Maksudnya: “(Masa untuk mengerjakan ibadah) Haji itu ialah beberapa bulan yang termaklum. Oleh yang demikian, sesiapa yang telah mewajibkan dirinya dengan niat mengerjakan ibadat Haji itu, maka tidak boleh mencampuri isteri dan tidak boleh membuat maksiat dan tidak boleh bertengkar dalam masa mengerjakan ibadah Haji dan apa jua kebaikan yang kamu kerjakan adalah diketahui oleh Allah dan hendaklah kamu membawa bekal denganukupnya, kerana sesungguhnya sebaik-baik bekal itu ialah memelihara (dari kebaikan meminta sedekah) dan bertaqwalah kepada-Ku wahai orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya)”. (Surah Al-Baqarah, ayat 197)

Dalam Kitab Tafsir Pimpinan Ar-Rahman menghuraikan maksud bulan Haji itu ada beberapa bulan: “Musim Haji itu ialah meliputi bulan-bulan Syawal, Zulkaedah dan Zulhijjah”. Dalam ayat ini juga menyatakan perkara-perkara berkaitan tatacara atau kaifiyat mengerjakan ibadah Haji, iaitu:

1. Larangan bercampur dengan isteri termasuk juga segala yang menimbulkan nafsu berahi, sama ada dengan perbuatan atau perkataan.
2. Larangan berbuat maksiat pula termasuk segala yang dilarang dalam masa mengerjakan Haji seperti berburu dan lain-lainnya.

Seterusnya untuk lebih jelas bahawa terdapat 13 larangan khusus kepada para Jemaah Haji semasa melaksanakan ibadah Haji, iaitu:

Dalam pakaian ada empat perkara yang dilarang:

1. Memakai pakaian berjahit (lelaki)
2. Menutup kepala (lelaki)
3. Menutup muka (wanita)
4. Memakai sarung tangan (lelaki dan wanita)

Dalam hiasan/kecantikan ada empat perkara yang dilarang:

1. Memakai wangi-wangian
2. Menyapu minyak
3. Menanggalkan rambut
4. Memotong kuku

Dalam memelihara alam sekitar terdapat dua perkara dilarang:

1. Memburu binatang buruan
2. Memotong, mencabut atau merosakkan tumbuhan

Dan dalam hubungan suami isteri terdapat tiga perkara yang dilarang:

1. Berkahwin, mengahwinkan atau menerima nikah
2. Mukadimah persetubuhan
3. Persetubuhan suami isteri

Perkara larangan sedemikian mempunyai hikmah dan faedahnya kepada orang yang mengerjakan ibadah Haji, antaranya bagi mentaati perintah Allah SWT dan Rasul-Nya dalam Syariat Islam, tanda pengabdian seorang hamba kepada Allah SWT Yang Maha Kuasa, menjaga kesempurnaan ibadah Haji bagi mendapatkan redha Allah SWT serta memperolehi haji yang mabrur.

JEMAAH JUMAAT YANG BERIMAN,

Ketahuilah, bahawa ibadah Haji itu terbahagi kepada 4 tingkatan, iaitu:

1. Haji mabrur: Haji paling tinggi dan istimewa, sempurna syarat, rukun, diampuni segala dosa dan mendapat balasan syurga.

2. Haji Makhsus: Haji yang dilakukan orang tertentu yang sempurna segala syarat dan rukunnya serta diampun segala dosa.
3. Haji Makbul: Haji yang sah dan diterima oleh Allah SWT mencukupi syarat dan rukunnya dan akan mendapat ganjaran pahala.
4. Haji Mardud: Haji yang tidak diterima oleh Allah SWT kerana kekurangan syarat, rukun dan sebab lainnya.

Haji mabrur merupakan haji paling tinggi dan istimewa. Ia hanya akan dicapai melalui usaha yang ikhlas, bersungguh-sungguh dan pengorbanan.

Ingatlah, sesungguhnya amal yang afdal ialah Haji yang mabrur, kerana ketika Rasulullah SAW ditanya seorang sahabat, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Amalan manakah yang lebih afdal (yang lebih utama)? Maka sabda Baginda: “Beriman kepada Allah”. Kemudian Baginda ditanya lagi, selepas itu apa? Baginda menjawab: “Berjihad di jalan Allah”. Kemudian Baginda ditanya lagi, selepas itu apa? Baginda menjawab pula: “Haji Mabrur”. (HR Imam Muslim)

Sebaik-baik jihad ialah Haji mabrur. Daripada Aisyah RA, berkata dia kepada Rasulullah SAW: “Ya Rasulullah! Kami percaya bahawa berjihad itu adalah amalan paling utama, mengapa kita tidak berjihad? Maka sabda Rasulullah SAW, tetapi bagi kami sebaik-baik jihad ialah Haji yang mabrur”. (HR Imam Al-Bukhari)

Haji mabrur balasannya ialah syurga, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Haji yang mabrur itu tiadalah baginya balasan melainkan syurga”. (HR Imam Ahmad)

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Berkaitan dengan ibadah Haji dengan doa Nabi Ibrahim AS yang dicatatkan dalam Kitab Suci Al-Quran untuk keturunannya dari umat Islam, firman Allah SWT:

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ
 رَبَّنَا وَاجْعَلْنَا مُسْلِمِينَ لَكَ وَمِن ذُرِّيَّتِنَا أُمَّةٌ مُّسْلِمَةٌ لَّكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ
 أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan asas-asas (tapak) Baitullah (Ka’bah) itu, sambil keduanya berdoa dengan berkata: ‘Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami), sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua, orang Islam (yang berserah diri) kepada-Mu dan jadikanlah daripada keturunan kami umat Islam (yang berserah diri) kepada-Mu dan tunjukkanlah kepada kami syariat dan cara-cara ibadat kami dan terimalah taubat kami, sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani”. (Surah Al-Baqarah, ayat 127-128)

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH TA’ALA,

Demikianlah, kelebihan dan keutamaan ibadah Haji disyariatkan dalam Islam. Ibadah yang tersangat istimewa, kerana itu beruntunglah mereka yang telah menunaikannya. Beruntung juga mereka yang telah berniat serta azam untuk mengerjakannya.

Sebaliknya, rugilah mereka yang telah cukup syarat tetapi tidak mahu memasang niat untuk mengerjakan ibadah haji ke Tanah Suci Makkah Al-Mukarramah sehingga diancam akan mati sia-sia sebagaimana matinya orang Yahudi, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Sesiapa memiliki bekal dan kenderaan (perbelanjaan perjalanan) yang dapat menyampaikannya ke Baitullahil-Haram dan tidak menunaikan (ibadah) Haji, maka tidak mengapa baginya mati sebagai orang yahudi atau Nasrani”. (HR At-Tirmizi dan Ahmad).

Mudah-mudahan kita, anak isteri, suami/isteri, ahli keluarga dan umat Islam tidak termasuk golongan Yahudi dan Nasrani itu, kerana sengaja tidak melaksanakan ibadah Haji, pada hal telah mencukupi syarat dan rukunnya.

Firman Allah SWT:

فِيهِ ءَايَاتٌ بَيِّنَاتٌ مَّقَامُ إِبْرَاهِيمَ ۖ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ ءَامِنًا ۗ وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ
 اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ۚ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ ﴿٩٧﴾

Maksudnya: “Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan) kemuliaannya, di antaranya (ialah) Maqam Nabi Ibrahim. Dan sesiapa yang masuk ke dalamnya aman tenteramlah dia. Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadah Haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadah Haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) daripada sekalian makhluk di alam ini”. (Surah Ali ‘Imran, ayat 97)

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
 وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
 لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
 وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.



Disediakan dan diedar oleh:
 Bahagian Penyelidikan dan Informasi
 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.